

0058

U 8252 AAB  
MAHATHIR - LEE

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAHIRKAN HARAPAN ASAR GENERASI SEKARANG DAPAT MENCONTOHI HENDIANG TUN SIR H.S.LEE YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI SEORANG PATRIOT DAN NEGARAWAN YANG TELAH MENGHARUMKAN NAMA NEGARA INI.

MENURUTNYA, TUN LEE MEMPUYAI KEBIJAKSANAAN DAN KEBOLEHAN MEMIMPIN DAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SUASANA POLITIK DAN SOSIO-BUDAYA TEMPATAN, HASIL DARIPADA PENGALAMAN LUAS DAN LIKU-LIKU HIDUP YANG BERANEKA CORAK DAN SERBA MENCABAR.

DI SAMPING ITU, KATANYA, PENGASAS DAN PRESIDEN PERTAMA MCA ITU SENTIASA BERPEGANG TEGUH DENGAN PRINSIP-PRINSIP HIDUP BELIAU YANG SERBA DINAMIK.

→MALAUPUN BELIAU SUDAH TIDAK LAGI MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM PARTI MCA, BELIAU TIDAK MUDAH KECEMA ATAU MELATAH MENEGCAN PENIMPIN-PENIMPIN LAIN, APATAH LAGI KERAJAAN, → KATANYA KETIKA MERASKIKAN PAKERAN →PATRIOT DAN NEGARAWAN→ MENGENAI HENDIANG TUN LEE, YANG JUGA BEKAS MENTERI KEMANGAN YANG PERTAMA, DI MUZIUH NEGARA DI SINI.

MALAHAN, KATANYA HENDIANG TUN LEE TERUS BERGERAK CERDAS DALAM KEGIATAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN DAN MEMAJUKAN LAGI DUNIA PERNIASAAN BELIAU. -- LAGI.

1653HST 19 11 88

U 8253 AAB  
MAHATHIR - LEE 2 KUALA LUMPUR

→SEBENGERNYA KITA BERBANGSA DENGAN SIKAP, KEMIBAWAAN DAN JASA-JASA YANG TELAH BELIAU CURAHKAN KEPADA NEGARA INI DAN BEMAJARLAH NEGARA MENGIKTIRAFKAN BELIAU SEBAGAI SEORANG PATRIOT DAN NEGARAWAN, → KATANYA.

TUN LEE, YANG DILAHIRKAN DI HONG KONG PADA 19 NOV 1901 DAN BERTAPAK DI NEGARA INI PADA TAHUN 1924, MENINGGAL DUNIA PADA 22 JUN TAHUN INI PADA USIA 87 TAHUN KERANA SAKIT JANTUNG DAN PELBAGAI PENYAKIT LAIN, DI PUSAT PERUBATAN PANTAI DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN PERTUKARAN NAMA JALAN BANDAR DI BANDARAYA KUALA LUMPUR KEPADA JALAN TUN H.S.LEE MULAI HARI INI.

→SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK MERESTUI PERUBAHAN INI. INILAH CARA YANG TERBAIK DAN BERKESAN BAGI MENSINGATI BELIAU, → KATANYA.

SALAH SEORANG ANAK HENDIANG TUN LEE YANG HADIR DI MAJLIS ITU, DATUK DOUGLAS LEE, KETIKA DITEMUI, BERKATA PENGUMUMAN ITU MERUPAKAN SESUATU YANG TIDAK DISANGKA BAGI MEREKA. → -- LAGI.

1653HST 19 11 88

U 8269 0E8  
MAHATHIR - LEE 3 KUALA LUMPUR

TAN SRI KHIR JOHARI, YANG MENYIFATKAN DIRI BELIAU SEBAGAI SAHABAT KARIB HENDIANG TUN LEE, BERKATA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENUKAR NAMA JALAN BANDAR KEPADA JALAN TUN H.S.LEE ADALAH SATU CARA YANG BAIK BIASA MENGHARGAI JASA-JASA HENDIANG ITU KEPADA NEGARA.

KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM DATUK SHAHRUK YUB, DALAM UCAPANNYA, MENYIFATKAN PAMERAN ITU SEBAGAI YANG ISTIMEWA, MENARIK DAN BERBEZA DARIPADA PAMERAN-PAMERAN LAIN YANG PERNAH DIADAKAN DI MUZIUM ITU KERANA IA BERTEMAKAN PENONJOLAN TOKOH.

BERANEKA JENIS BAHAN YANG DIPAMERKAN MEMPUNYAI PENGERTIAN DAN NILAI SEJARAH YANG BOLEH DIJADIKAN UKURAN PENILAIAN DALAM USAHA NEGARA MELAHIRKAN GENERASI YANG BERTANGGUNGJAWAB SERTA BERSIKAP POSITIF DAN DINAMIK.

PADA MAJLIS ITU, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN ENCIK ABUUL RAHMAN SULIHAN MENYAMPAIKAN RAKAMAN VIDEO MENGENAI KETOKOHAN HENDIANG TUN LEE KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN TOH PUAN LADY LEE.

DI SAMPING ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DIHADIAHKAN NANG KERTAS #1 BERTARIKH 1959 YANG DITANDATANGANI OLEH HENDIANG TUN LEE. IA DISAMPAIKAN OLEH ANAK BONGSUNYA DATUK ALEX LEE YANG JUGA TIMBALAN HENTERI PERTANIAN. -- BERNAMA.

1739HST 19 11 88